

Rujukan Kami : GEOURUS/HR/02-POLISISINTERN/25/002

Tarikh : 17 November 2025

Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS)
Sungai Lang,
45100 Sungai Air Tawar
Selangor Darul Ehsan

U/P : Unit Perhubungan Dan Latihan Industri

Tuan,

Assalamualaikum wbt,

TAWARAN PENEMPATAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa Geourus Sdn Bhd adalah syarikat Perunding Pengurusan Projek Hartanah yang beroperasi di Senawang, Negeri Sembilan. Kami ingin menawarkan penempatan pelajar Latihan Industri kepada Politeknik tuan/puan bermula Januari 2026.

3. Bidang pengkhususan pelajar yang ditawarkan adalah bidang Pengurusan Perniagaan, Kesetiausahaan Pentadbiran, Pemasaran dan yang berkaitan. Pelajar yang berminat boleh menghantar *Resume* dan Surat Penempatan Latihan Industri dari Politeknik kepada kami. Sesi temuduga akan diadakan secara fizikal atau atas talian, mereka yang memenuhi kriteria dan bersesuaian akan dipilih.

4. Hasrat kami menawarkan penempatan latihan industri ini adalah untuk memberi pendedahan awal cabaran dunia kerjaya untuk pelajar yang serius ingin berjaya. Kami akan menyediakan penyelia industri bagi memastikan pelajar menjalani latihan mengikut keperluan Politeknik dan syarikat supaya sepanjang tempoh latihan pelajar ini akan mendapat manfaat yang sewajarnya.

5. Sebarang permohonan, boleh dihantar melalui email di talktous@geogroup.my / hrgsb@geogroup.my dan sebarang maklumat lanjut sila hubungi kami di talian 06-6784372 / 016-6385635 (Puan Dania).

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



DR HJH ROKIAH BINTI HJ HASSAN
Ketua Jabatan Sumber Manusia